

# Angkasawan kena minum air kencing

KOSMO 16/11/02 MS 52

HOUSTON, Texas - Sekumpulan angkasawan yang berlepas dengan pesawat ulang-alik Endeavour di sini semalam merancang menambah baik fasiliti Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS).

Antaranya ialah kemudahan air minuman kitar semula yang membolehkan petugas ISS menikmati kopi kelmarin semula pada keesokan hari termasuk daripada air kencing mereka sendiri.

Ia ekoran pembesaran had muatan ISS kepada enam krew sekali gus dilengkapi sistem penjanaan air buangan hasil pelaburan kerajaan Amerika Syarikat bernilai AS\$250 juta (RM898.4 juta).

"Sistem ini mampu merawat air terpakai kembali segar untuk diminum sejajar dengan langkah memelihara alam sekitar di angkasa," kata pegawai NASA, Don Pettit. - Agensi



RUANG terhad di ISS bakal dibesarkan untuk keselesaan petugas menjalankan penyelidikan.